

28 AUG 2003

Megawati-Tiba

PRESIDEN MEGAWATI TIBA UNTUK RUNDINGAN DUA HALA

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri tiba di sini hari ini untuk menghadiri rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketibaan Megawati bersama suaminya Taufiq Kiemas serta beberapa menteri dan pegawai kanan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, disambut oleh Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk menyambut beliau ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta menteri-menteri persekutuan dan negeri.

Perbincangan dua hala antara kedua-dua pemimpin itu dijangka bertumpu kepada isu pendatang tanpa izin dan pekerja haram, perdagangan dan pelaburan, kerjasama dalam pendidikan, masalah jerebu, pelancongan dan pengangkutan.

Mesyuarat itu juga dijangka membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa seperti keganasan antarabangsa, sidang kemuncak Asean, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta isu kepentingan bersama yang lain.

Perdana Menteri akan melakukan kunjungan ke atas Megawati, diikuti mesyuarat tertutup kedua-dua pemimpin serta mesyuarat delegasi pada sebelah petang.

Dr Mahathir akan meraikan Presiden Indonesia itu pada jamuan malam di Bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN), malam ini.

Presiden Megawati dijadual berangkat pulang ke Indonesia esok.

-- BERNAMA

RDY MT LAT